

08 AUG 1996

Mahathir-Pelabur

DR MAHATHIR SARAN PELABUR KE SARAWAK DAN SABAH

KUCHING, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta para pelabur luar dan dalam negeri turut memberi perhatian kepada Sarawak dan Sabah bagi mengimbangi pertumbuhan industri di negara ini.

"Kita tidak mahu ada perbezaan dalam pertumbuhan industri di negara ini dan saya percaya pelabur dapat membantu menjayakan matlamat ini," katanya ketika merasmikan kilang Komag USA (Malaysia) Sdn. Bhd., pengeluar cakera penyimpanan data di kawasan perindustrian bebas di sini.

Perdana Menteri berkata pertumbuhan industri yang begitu pesat di Semenanjung menjadikan keadaan terlalu sesak, tenaga kerja berkurangan dan kos tanah tinggi.

Beliau berkata Sarawak dan Sabah sudah lama berusaha untuk menarik pelabur tetapi ramai di kalangan mereka menganggap kedua-dua negeri ini masih jauh ke belakang dan pekerja mahir mungkin tidak ada.

"Sama seperti dulu juga banyak pelabur menganggap Semenanjung Malaysia tidak sesuai untuk industri tetapi akhirnya mendapati ia sesuai sehingga menyebabkan keadaan di sana menjadi sesak dan bilangan pekerja yang terhad dengan kos tanah yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata Sarawak kini sudah bersedia dan mampu menyokong perkembangan industri termasuk industri elektronik yang berteknologi tinggi.

Keadaan Sarawak kini juga sudah berubah dan ia mampu memberi peluang kepada para pekerja mahir yang mendapat kelulusan dan kecekapan dari luar negeri, katanya.

"Jika dulu ramai penduduk negeri ini belajar di luar negeri dalam bidang dan kecekapan yang tidak digunakan di Sarawak sebab tidak ada industri berteknologi tinggi tetapi hari ini mereka mempunyai peluang kerana negeri ini sudah mempunyai kilang sedemikian," katanya.

Dr Mahathir juga menyeru pekilang beralih kepada industri berteknologi tinggi bagi mengelak mereka terlalu bergantung kepada sumber tenaga buruh.

Katanya industri harus menggunakan lebih banyak sistem automasi, robot dan jentera tetapi masih mampu mengeluarkan hasil barangan bermutu tinggi.

Dr Mahathir berkata dulu Malaysia terpaksa menerima industri menggunakan banyak buruh kerana kerajaan berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

"Tetapi kini industri seperti itu sudah tidak sesuai lagi kerana sumber tenaga manusia semakin berkurangan," katanya.

Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam ucapannya berkata sumbangan sektor perindustrian terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar di Sarawak meningkat daripada 6 peratus dalam tahun 1980 kepada 21 peratus sekarang.

"Ini melambangkan usaha gigih kerajaan negeri untuk memajukan perindustrian di negeri ini sudah berhasil," kata beliau sambil berharap sektor swasta terus melabur di negeri ini.

Kilang Komag yang dibina dengan kos RM150 juta itu mula beroperasi April tahun ini dan setakat ini mengeluarkan 3.3 juta cakera komputer untuk dieksport, termasuk ke Amerika Syarikat.

Menurut pengarah urusannya Encik Bill Wong kilang itu mempunyai 350 orang tenaga pekerja, 95 peratus adalah penduduk Sarawak.

Beliau berkata Komag telah meninjau beberapa kawasan di Asia Tenggara sebelum memilih Sarawak sebagai tapak perluasan utamanya kerana mendapati

kemudahan infrastruktur teknikalnya yang lengkap.

Jaraknya yang berhampiran dengan sebuah lagi kilangnya di Pulau Pinang dan tapak kilang pelanggan di Asia Tenggara juga merupakan faktor lain untuk mendirikan kilangnya di sini.

Kilang ini merupakan yang keempat milik Komag di dunia. Yang lain terletak di Amerika Syarikat, Jepun dan Pulau Pinang.--BERNAMA

OPP MT MAI